


KERETA klasik ini umpama khazanah yang cukup berharga.



MORRIS Minor pernah menjadi kegilaan ramai pada era 1950-an.

Kepantasan perubahan teknologi kereta telah memukau ramai orang

Wajah kereta pasca Merdeka

SAKSI

Kosmo 29.4.2007 ms11

KERETA Jepun mula memasuki pasaran Malaysia pada tahun 1980-an.



Oleh **SHAHRULANOOR ISHAK**
shahrul@kosmo.com.my

TEMPOH 50 tahun lalu memperlihatkan pelbagai model kereta menghiasi jalan raya. Sejak dulu hingga kini, wajah kereta di Malaysia kerap berubah sejajar perkembangan teknologi permotoran dunia.

Bagi Komar Johari (gambar), 50, perkembangan permotoran di Malaysia sejak dekad



1950-an banyak dicorakkan oleh kemajuan teknologi kereta Eropah.

"Malaysia pernah dijajah oleh British sebelum merdeka pada 31 Ogos 1957. Perkembangan permotoran negara pada awal kemerdekaan banyak dipengaruhi perkembangan teknologi motokar di Eropah," katanya ketika ditemui *KOSMO!* Ahad di Danau Kota, Setapak, Kuala Lumpur.

Kepantasan Eropah mengolah teknologi enjin dan reka bentuk membolehkan model kereta hebat seperti Morris Minor, Volkswagen 'Beetle' dan Mini Cooper klasik berjaya dihasilkan.

Model-model 'kereta bulat' yang cukup hebat pada zamannya itu turut pernah mewarnai jalan raya negara sekitar 1950-an sehingga penghujung 1960-an.

Manakala, kereta berbentuk 'kotak' dan empat segi keluaran Eropah pula memasuki Malaysia sekitar 1970-an.

"Kereta buatan Eropah dibawa masuk ke Malaya (sebelum Malaysia ditubuhkan pada 16 September 1963) disebabkan negara kita sudah ada hu-

bugan dengan negara-negara Eropah sejak era kependudukan British," ujarnya yang juga pengarang majalah *Motokar dan Kereta*.

Namun katanya, persekitaran wajah kereta di atas jalan raya berubah apabila bekas Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan Dasar Pandang Ke Timur pada 8 Februari 1982.

Sejak itu, kereta-kereta penumpang berkonsep ekonomik dari Jepun mula masuk ke negara ini. Antara model yang dibawa masuk ialah Nissan Sunny, Toyota Corolla DX dan sebagainya.

"Segalanya sekali lagi berubah apabila Proton ditubuhkan pada tahun 1984 dan mula memasuki pasaran pada tahun 1987 dengan model Saga. Kelahiran Proton Saga mencetuskan perubahan minda rakyat Malaysia terhadap keperluan berkereta.

"Disebabkan Proton Saga ditawarkan pada harga murah (sekitar RM18,000 ketika itu), semakin ramai orang Malaysia berminat untuk memiliki kereta," jelasnya lagi.

Ujarnya lagi, sejak Proton mula menguasai pasaran, jumlah penjualan kereta asing telah sedikit menurun se-

hingga kembali normal pada dekad 1990-an.

"Proton mula menjadi pilihan rakyat sehinggalah pada tahun-tahun 1990-an di mana model Saga terpaksa bersaing dengan model kereta Jepun yang lebih trendy dan cantik.

"Sebagai menyahtu persaingan dengan kereta Jepun, model Iswara dan Wira dihasilkan. Lihatlah, bilangan Proton Wira di jalan raya kini lebih banyak berbanding kereta Jepun. Bukan sahaja di tanah airnya sendiri tetapi juga di serata dunia bersama model Proton yang lain," katanya.

Ketika ditanya mengenai perkembangan industri kereta di Malaysia sekarang pula beliau berkata:

"Perkembangan dunia permotoran di Malaysia sangat pantas berubah. Dulu hanya kereta kotak sahaja yang berlegar di jalan raya. Kini, pelbagai konsep kereta dari seluruh dunia sudah menghuni jalan raya kita.

"Daripada kereta penumpang, sehinggalah SUV, MPV, K-Car, 'saloon car' dan bermacam lagi sedang berada di atas jalan raya kita sekarang. Ia hasil daripada kepantasan negara kita menuntut kemajuan," katanya.

Info

PERUBAHAN LIMA DEKAD

DEKAD	MODEL TERKENAL
1950-an & 1960-an	Kebanyakan berkerangka bulat seperti Morris Minor, Volkswagen Beetle dan Mini Cooper.
1970-an	Konsep kereta penumpang dengan reka bentuk tiga unit kerangka empat segi. Model keluaran Eropah seperti Ford Laser, Mazda 323, dan Nissan LE.
1980-an	Masih dengan konsep kerangka pada dekad 1970-an, kebanyakannya dibawa masuk dari Jepun. Model terkenal seperti Nissan Sunny dan Toyota Corolla. Tahun 1987 menyaksikan kelahiran Proton Saga.
1990-an	Konsep kerangka yang lebih dinamik Model seperti Mitsubishi generasi Evo. Juga menyaksikan kelahiran model baru Proton, Iswara, Wira, Satria dan Perdana. Beberapa model MPV dari Eropah dan Jepun juga mula masuk ke Malaysia.
2000	Kerangka yang lebih versatil untuk semua kondisi jalan raya. Kebanyakannya berkonsep MPV, SUV, MFV, dan kereta saloon.

Sumber: Temu bual bersama Komar Johari